



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MAJLIS ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR, YANG DIPERTUA  
DAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
NEGERI MELAKA TAHUN 2022**

**TARIKH: 19 JANUARI 2022 (RABU), JAM: 9.30 PAGI  
DI DEWAN TAMING SARI, MBMB.**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

**Terima kasih pengacara majlis;**

**(Salutasi di atas rostrum)**

1. Alhamdulillah, marilah kita merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk hadir di Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Melaka Bagi Tahun 2022 ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan

tahniah kepada semua yang telah dipilih sebagai Ahli Majlis di kawasan masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian;

3. Sebagaimana kita semua sedia maklum, pelantikan Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis, Ahli Majlis dan Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan adalah berpandukan peruntukan yang diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Amanah dan tanggungjawab sebagai Ahli Majlis amat berat dan penting kerana

tuan-tuan dan puan-puan adalah penghubung atau “duta kecil” antara Pihak Berkuasa Tempatan yang diwakili dengan anggota masyarakat di kawasan masing-masing.

4. Justeru itu, barisan Ahli Majlis baharu perlu memahami matlamat Pihak Berkuasa Tempatan sebagai Kerajaan Tempatan serta dasar Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Oleh kerana itu, dalam melaksanakan kewajipan dan tugas sebagai Ahli Majlis, lengkapkanlah diri dengan ilmu dan kefahaman terhadap fungsi, peranan dan tugas yang

disandang, peka terhadap hal ehwal kerajaan tempatan, prihatin terhadap permasalahan masyarakat setempat serta mengambil tahu isu-isu tempatan, nasional mahupun di peringkat global.

5. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri meneruskan pelantikan Ahli Majlis dalam kalangan golongan Orang Kurang Upaya (OKU), wakil Pertubuhan Belia dan wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) di setiap PBT. Dengan pelantikan Ahli Majlis OKU tersebut, sumbangan idea mereka diperlukan untuk menambah baik penyediaan kemudahan OKU di

semua pembangunan baharu dan sedia ada di negeri ini.

6. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju melantik seorang wakil pertubuhan belia menduduki kerusi Ahli Majlis di setiap PBT masing-masing. Pelantikan wakil pertubuhan belia sebagai Ahli Majlis tersebut merupakan penghargaan Kerajaan Negeri kepada pertubuhan belia dalam membuat dasar dan penglibatan yang aktif serta agresif dalam kalangan golongan muda Negeri Melaka yang telah

menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan pentadbiran negeri ini.

7. Suka saya ingatkan bahawa Majlis Angkat Sumpah ini adalah ikrar untuk tuan-tuan dan puan-puan melaksanakan kewajipan jawatan masing-masing dengan sebaik mungkin. PBT juga perlu memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat sebagai kerajaan ketiga dalam struktur pentadbiran kerajaan. Ahli Majlis bersama PBT perlu bersedia meneroka bidang baharu dan berdepan dengan pelbagai cabaran untuk kemajuan



sesuatu kawasan demi memberi keselesaan dan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati;

8. Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang lalu, Barisan Nasional (BN) telah melancarkan manifesto atau aku janji bertema, **“Kestabilan Demi Kemakmuran”**, dengan **1 matlamat, 5 teras dan 103 inisiatif**, yang kandungan lengkapnya sudah disiarkan melalui pelbagai aplikasi media sosial, laman sesawang dan media arus perdana.

9. Manifesto atau aku janji ini bersifat inklusif, berpijak di bumi yang nyata, mampu dicapai dan realistik untuk dilaksanakan segala janji-janjinya, baik selama **100 hari**, mahupun di sepanjang tempoh **5 tahun** pentadbiran kerajaan demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri Melaka.
  
10. Pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 bersama penjawat awam Negeri Melaka, baru-baru ini yang bertemakan **“Kecekapan Pelaksanaan Demi Kemakmuran Negeri Melaka”** pula, semua pelan tindakan yang telah dikenal pasti perlu dijadikan

asas dalam merealisasikan segala perancangan, inisiatif dan tugas meliputi aspek pemantauan, misalnya program-program peningkatan sosioekonomi rakyat, pengurusan pandemik COVID-19, pengurusan bencana dan sebagainya.

11. Seperti yang telah saya sebutkan di majlis amanat tersebut, tahun ini adalah Tahun Kecekapan Pelaksanaan. Justeru, kita mesti **cekap** melaksanakan semua tugas kita. Untuk itu, tuan-tuan dan puan-puan perlu komited dan berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawab bagi memastikan

penyampaian perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

12. Bagi memastikan setiap Ahli Majlis memainkan peranan yang penting, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi memantau gerak kerja Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilaksanakan melalui Laporan Penilaian Prestasi Bulanan (LPNB) Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka.

13. Ini bertujuan bagi memperkasakan perkhidmatan Ahli Majlis berdasarkan aktiviti harian seperti kehadiran mesyuarat, penganjuran program kebersihan dan aktiviti gotong-royong di kawasan PBT. Penambahbaikan penilaian Ahli Majlis perlu dibuat pada tahun 2022 bagi mencapai prestasi melalui indikator yang telah ditetapkan iaitu; seseorang Ahli Majlis yang mencapai KPI kurang daripada **50 peratus** untuk tempoh **tiga (3) bulan** berturut-turut atau sebanyak **tiga (3) kali** dalam tempoh enam **(6) bulan** perkhidmatan, boleh diambil tindakan penahanan elaun bulanan dan boleh

diangkat untuk cadangan penamatan perkhidmatan. Justeru, semua Ahli Majlis PBT disarankan untuk mengambil perhatian sewajarnya ke atas perkara tersebut.

14. Dalam usaha mencapai visi “Menuju Negeri Lestari”, Kerajaan Negeri Melaka akan terus menjaga alam sekitar melalui inisiatif program penanaman semula pokok berjumlah **50 ribu ringgit** kepada setiap PBT dan Jabatan Perhutanan Negeri dengan peruntukan berjumlah **250 ribu ringgit**. Selain itu, bagi inisiatif ke arah persekitaran yang kondusif dan menjadikan

Negeri Melaka sebagai negeri terbersih, indah, ceria dan selamat, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh PBT melalui inisiatif berikut:

**Pertama:** Menjadikan Melaka sebagai negeri cantik seribu bunga, keutamaan akan diberikan kepada kerja-kerja meningkatkan keindahan dan keceriaan di kawasan tumpuan. Selain itu, skop pembersihan turut diperluas kepada kerja-kerja pembersihan sampah-sampah longgok atau sampah haram serta pemeriksaan dan penggredan tandas awam bagi memastikan kebersihan persekitaran;

**Kedua:** Projek-projek pembangunan infrastruktur dan utiliti serta menaik taraf kemudahan awam seperti padang, dewan, pasar, gerai dan sistem pencahayaan akan diteruskan untuk memberi manfaat kepada rakyat. Di samping itu, kompleks-kompleks sukan dan kemudahan rekreasi akan terus diselenggara untuk kemudahan rakyat menjalankan aktiviti bersukan dan riadah; dan

**Ketiga:** Program sanitasi di kawasan awam dilaksanakan dari semasa ke semasa, bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Selain itu, pemantauan ke



atas pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) juga dibuat di premis perniagaan termasuk kawasan penjaja dan riadah, kilang-kilang perindustrian, dan asrama pekerja kilang selaras dengan garis panduan sanitasi dan disinfeksi kemudahan awam dan premis di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk dilaksanakan di semua PBT Negeri melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian;

15. Pencapaian PBT Melaka juga perlu diambil kira sebagai pengukur kejayaan di peringkat PBT Negeri Melaka. Sepanjang tahun 2021, semua PBT di Negeri Melaka telah menerima Anugerah Bandar Mampan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pengukuran bandar mampan dilaksanakan berasaskan kerangka Murninets yang mengandungi 5 strategi, 6 dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk yang dibentuk berdasarkan dasar pembangunan utama negara berkaitan dengan ekonomi, sosial dan fizikal. Tahniah dan syabas diucapkan.

16. Seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka, saya berharap Datuk Bandar, Yang diPertua serta Ahli-ahli Majlis di semua PBT dapat turut sama menyokong agenda pembangunan negeri. Pada tahun 2021, Negeri Melaka telah menerima peruntukan sejumlah **RM22.8 juta** daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membiayai sebanyak **298 buah projek** untuk tujuan pembangunan di setiap PBT.

17. Antara projek yang telah dilaksanakan termasuklah Projek PEMERKASA di bawah peruntukan negeri, Projek Kecil Bp.1 di kawasan PBT, Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM), Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) dan Projek Landskap Persekitaran Kehidupan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

18. Tugas kerajaan adalah mendapatkan kelulusan projek, manakala tanggungjawab ketua-ketua PBT serta Ahli-ahli Majlis pula memastikan perancangan

pembangunan yang disebutkan tadi dapat dilaksanakan dengan efektif serta pemrosesan kelulusan pelan-pelan pembangunan dibuat dengan cepat dan tepat demi kepentingan masyarakat tempatan.

19. Sebagai pemimpin masyarakat, saya menyeru kepada semua Ahli Majlis untuk turun padang melihat keadaan sebenar serta memahami keperluan penduduk di kawasan masing-masing. Inilah tugas yang saya sering katakan menjadi tidak popular dalam kalangan sebahagian pihak untuk memenuhi keperluan sebahagian pihak yang lain.

20. Ahli Majlis adalah penasihat kepada PBT mengikut profesion atau kepakaran masing-masing. Bagi memacu pembangunan Negeri Melaka yang lebih mampan, peranan dan tanggungjawab sebenar Ahli Majlis juga perlu dipertingkatkan, antaranya menjadi sebahagian daripada sistem pentadbiran di peringkat kerajaan tempatan.
  
21. Ahli Majlis perlu menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kefahaman berkaitan tugas daripada aspek perundangan supaya keputusan yang dibuat mempunyai asas yang kukuh dan juga

tidak bercanggah dengan dasar kerajaan untuk kepentingan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

22. Marilah sama-sama kita bersikap lebih peka dan proaktif dalam melaksana dasar-dasar yang telah diputuskan, boleh berfikir menjangkau biasa, serta sentiasa melihat masalah sebagai peluang. Kita mahu pelanggan merasa seronok berurusan dengan kerajaan, berpuas hati dengan perkhidmatan yang

diberikan, serta menyanjung tinggi sikap responsif dan keprihatinan yang kita amalkan.

23. Di samping itu, Ahli-ahli Majlis PBT hendaklah meneruskan usaha dan melaksanakan kempen kebersihan di kawasan masing-masing bagi memastikan Melaka sentiasa menjadi negeri terbersih dan berupaya menggamit lebih ramai pelancong datang ke Negeri Melaka. Ahli majlis juga perlu memantau perlaksanaan kawasan penjaja baru seperti dalam manifesto kerajaan negeri seperti "**Leypark Station**" di MPHTJ, tranformasi pasar



malam, pasar pagi, pasar Ramadan dan bazar Ramadan sama ada penganjuran PBT atau swasta.

24. Kepada mantan Ahli-ahli Majlis tahun 2021, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala kerjasama, sokongan, inisiatif dan pandangan yang disumbang demi pembangunan Negeri Melaka. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan. Kepada Ahli-ahli Majlis yang dilantik pada tahun ini, saya menyeru agar barisan kepimpinan baharu ini berani melakukan transformasi ke arah kebaikan dan kemajuan PBT serta dapat melaksana amanah

kerajaan dan masyarakat tempatan yang diwakili dengan penuh integriti.

25. Akhir kata, saya mendoakan agar majlis kita pada pagi ini dirahmati Allah SWT dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya. Selamat bertugas dan Selamat Maju Jaya.

Sekian.

*Wabillahitaufik walhidayah, wassalam mualaikum  
Warahmatullahi wabarakatuh*